

20 JUN 2002

Kanada-Keganasan (Bergambar)/I

KANADA HARGAI PERANAN MALAYSIA DALAM KEMPEN TENTANGI KEGANASAN

KUALA LUMPUR, 20 Jun (Bernama) -- Kanada menyatakan penghargaannya terhadap peranan Malaysia membantu kempen menentang keganasan antarabangsa, kata Setiausaha Negara bagi Asia Pasifik David Kilgour hari ini.

"Dalam pertemuan saya dengan Perdana Menteri (Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad) semalam dan Menteri Luar (Datuk Seri Syed Hamid Albar), saya menyampaikan penghargaan Kanada terhadap peranan Malaysia dalam membantu kempen menentang keganasan antarabangsa," katanya.

Beliau ditemui pemberita selepas merasmikan Canseri Suruhanjaya Tinggi Kanada yang baru di Tingkat 17 Menara Tan & Tan di sini.

Kilgour sedang dalam rangka lawatan rasmi dua hari ke Malaysia selepas melawat Singapura. Beliau akan berlepas ke Indonesia esok.

Katanya Dr Mahathir merupakan antara pemimpin dunia Islam pertama yang mengutuk keganasan dan Kanada mengharapkan penyertaan Malaysia dalam peperangan antarabangsa ke atas keganasan.

Mengenai kunjungannya ke Malaysia, Kilgour berkata Kanada ingin sekali mengukuhkan hubungan dua hala dengan Malaysia memandangkan kedua-dua negara menjalinkan hubungan rapat sejak Malaysia mencapai kemerdekaan pada 1957.

"Mesej yang saya terima mengenai ekonomi Malaysia adalah positif dan perlu ada peluang untuk memperluaskan perdagangan dan pelaburan memandangkan ekonomi kedua-dua buah negara sudah pulih daripada kemelesetan tahun lepas," kata beliau.

Beliau berkata Syed Hamid dijangka bertemu rakan sejawatannya dari Kanada pada 5 Sept ini semasa melawat negara berkenaan.

Malaysia merupakan rakan dagangan Kanada terbesar dalam ASEAN dan mewujudkan peluang baik bagi kalangan perniagaan di Kanada yang mencari perdagangan dan pelaburan di luar negara.

Terdahulu, Kilgour melawat Pusat Pendidikan Kanada di Wisma MCA di sini dan memberikan ceramah pada pertemuan sarapan pagi dengan Majlis Perniagaan Malaysia-Kanada di Mandarin Oriental.

-- BERNAMA

AT AHH ROS